

Mahasiswa **ejen** salur maklumat

FOTO: AMRAN YAHYA

■ 60 siswa UPM sertai program Kepenggunaan Luar Bandar 1Malaysia Siswa @ Kampung

Oleh Amran Yahya
am@hmetro.com.my
Kuala Pilah



HASAN (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada peserta yang mengambil bahagian.

Seramai 60 mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) menayakan program Kepenggunaan Luar Bandar 1Malaysia Siswa @ Kampung bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Menanti, di sini.

Program usaha sama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dengan UPM itu memberi peluang kepada mahasiswa menjadi ejen menyalurkan

maklumat kepenggunaan kepada masyarakat luar bandar.

Peserta, Nor Alia Khamis, 21, berkata, dia bangga terpilih menyertai program itu kerana berpeluang berbakti kepada masyarakat khususnya menyalurkan maklumat berkaitan hak dan isu kepenggunaan.

"Kami bukan saja dapat mengenali budaya orang kampung di Seri Menanti, malah pada masa sama dapat berkongsi ilmu dengan

mereka, bertukar pandangan dan menyebarkan maklumat terkini berhubung hak pengguna kepada ibu bapa angkat.

"Meskipun waktu bersama mereka tiga hari saja, tetapi kenangan dan jasa baik tidak akan dilupakan," katanya.

Majlis perasmian disempurnakan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Hasan Malek yang juga Ahli Parlimen Kuala Pilah.